

Anwar arah MoU, kerjasama dengan China dilaksana segera



Fahmi pada sidang media mingguan pasca Kabinet di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua memorandum persefahaman (MoU) dan kerjasama yang ditandatangani antara Malaysia dan China dalam lawatan negara Presiden China, Xi Jinping minggu lalu, dilaksanakan dengan segera.

Jurucakap kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata mesyuarat Kabinet semalam, turut memutuskan Kementerian Luar akan menyelaras pelaksanaan bagi MoU berkenaan.

“Perancangan kerajaan adalah untuk memastikan semua MoU yang ditandatangani dan ditukar ini akan dapat dilaksanakan dengan kadar segera,” katanya pada sidang media mingguan pasca Kabinet, di si-

ni semalam.

Dalam lawatan negara Jinping ke Malaysia selama tiga hari minggu lalu, Malaysia dan China menandatangani 31 MoU dan kerjasama, merangkumi pelbagai bidang strategik demi kepentingan bersama.

Memberikan contoh MoU yang ditandatangani, Fahmi yang juga Menteri Komunikasi memaklumkan, cadangan hab berkembar antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Henan, China di bawah Kementerian Pengangkutan menyaksikan perkembangan pantas dan beberapa pertemuan diadakan dalam tempoh beberapa hari kebelakangan ini.

Sementara itu, Fahmi berkata, Jemaah Menteri turut merakamkan ucapan takziah atas pemergian Paus Francis, Isnin lalu dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick akan secara rasmi mewakili kerajaan bagi menandatangani buku ucapan takziah di Kedutaan Vatican di Kuala Lumpur, manakala seorang menteri akan diutuskan untuk menghadiri majlis pengebumian Paus Francis di Vatican City.

“Perdana Menteri menyatakan mendiang Paus Francis ialah seorang yang lantang bersuara, terutama mengenai isu Gaza, justeru, Perdana Menteri amat menyanjungi jasa dan bakti mendiang,” katanya.